

TRAVELOG

JPS WP KUALA LUMPUR

EDISI : JAN - JUN 2023



PENASIHAT
HAJI MOHD AZMIN, BCN



KETUA EDITOR
IR. FARIHAH

AHLI JAWATANKUASA



SHIFA



MARG



FAZILA



MEGAT



MAJIDAH



FIRDAUS

**EDITOR &
PEREKA GRAFIK**

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR

34TH INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION AND TECHNOLOGY EXHIBITION, MALAYSIA (ITEX'23) OLEH : BAHAGIAN KORPORAT, KUALITI & ICT

11 - 15 Mei 2023, telah berlangsung ITEX'23 dengan tema Technology Reversing Climate Change telah diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 11 dan 12 Mei 2023. Ia merupakan sebuah platform bertaraf antarabangsa bagi para pereka-cipta dan penyelidik untuk mengenengahkan rekacipta dan produk inovasi yang dihasilkan kepada komuniti perniagaan yang berminat untuk pengkomersialan.

Jabatan telah menampilkan dua (2) produk inovasi iaitu produk Polyhusk Gate yang diwakili oleh pasukan Fast-T dari JPS Daerah Hilir Perak dan produk ELEfence yang diwakili oleh pasukan Safari dari Bahagian Bangunan dan Infrastruktur (BBI).

Pasukan Safari dari BBI telah berjaya merangkul Gold Medal, manakala pasukan Fast-T telah berjaya mendapat Silver Medal di dalam ITEX'23.

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada kedua-dua pasukan di atas pencapaian ini. Semoga kejayaan ini dapat menyemarakkan usaha untuk terus berinovasi di kalangan ahli pasukan Safari dan Fast-T.

Kejayaan ini juga diharapkan dapat menjadi pemangkin semangat kepada warga JPS WPKL untuk melipat gandakan usaha serta menyumbangkan idea inovasi yang boleh diketengahkan bukan sahaja diperingkat domestik, malah sehingga ke peringkat antarabangsa kelak.



POLYHUSK GATE
AS A COMPONENT OF THE WATER CONTROL GATE THAT HOLDS AND RELEASES WATER

ADVANTAGES

- ECO-FRIENDLY
- EASY TO INSTALL
- HIGH RESISTANCE
- COST EFFICIENT
- SHORT MANUFACTURING TIME

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAERAH HILIR PERAK



ELEfence
ELEPHANT DETERRENT FENCING SYSTEM
by: Department of Irrigation and Drainage Malaysia (DID), Department of Wildlife and National Parks Peninsular Malaysia (DWWNP) and University of Technology PETRONAS (UTP).

EVOLUTION OF ELEPHANT DETERRENT FENCING SYSTEM 2013 - 2022
Utility Innovation : UI 2022006887

ITEX'23
34TH INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION, MALAYSIA
11-12 May 2023 | KL Convention Centre



MAJLIS PENGHARGAAN JASAMU DIKENANG KETUA PENGARAH JPS MALAYSIA, DATO' IR. DR. MD. NASIR BIN MD NOH

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT, KUALITI & ICT

Pada 17 Mac 2023, satu Majlis 'Punch-Out' Ketua Pengarah JPS Malaysia, Dato Ir. Dr. Md. Nasir bin Md. Noh telah diadakan di Lobi Ibu Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri serta seluruh warga ibu pejabat JPS Jalan Sultan Salahuddin.

Di majlis ini juga Dato Ketua Pengarah menyampaikan ucapan serta amanat yang disaksikan oleh warga ibu pejabat serta seluruh warga kerja JPS di negeri-negeri yang hadir secara atas talian.

Dato' Ir. Dr. Md. Nasir bin Md. Noh dijadualkan akan bersara wajib (60 tahun) pada 20 Mac 2023 setelah mencurahkan bakti dan komitmen bersama JPS selama 34 tahun dan 1 bulan

Seluruh Warga Kerja Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ingin mengucapkan 'Selamat Bersara' dan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' atas jasa dan khidmat bakti selama ini. Sumbangan dan usaha yang telah diberikan pastinya akan terus dijayakan dan persahabatan yang terjalin sepanjang perkhidmatan tidak akan terhenti disini malah akan terus berkekalan.

Selamat menikmati alam persaraan dan selamat maju jaya.



Terima kasih diucapkan kepada semua warga JPS WPKL di atas sumbangan cederahati sempena persaraan YBhg Dato' Ir Md Nasir bin Md Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia





EVACUATION DRILL & BASIC FIRE FIGHTING TRAINING

OLEH : BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

1 Mac 2023 pada jam 11.00pagi, telah diadakan satu program Basic Fire Fighting Training bersama Balai Bomba dan Penyelamat Sentul dengan kekuatan 6 anggota yang di ketuai oleh PBK II En.Rusdi Bin Ismail. Satu sesi taklimat telah diadakan oleh PBK II Bomba berkenaan "Basic Fire Fighting" dan cara-cara penggunaan "Fire Extinguisher kepada semua kakitangan JPS WPKL.

Program anjuran Jawantankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerja JPS WPKL telah diadakan di kawasan tempat letak kereta JPS WPKL dengan beberapa orang kakitangan JPS WPKL diberi peluang untuk melakukan pemadaman api sambil dipantau oleh anggota bomba.

Selesai aktiviti pemadaman api, kakitangan JPS WPKL dibenarkan bersurai dan ahli pasukan ERT bersama bomba mengadakan sesi Post Mortem di bilik mesyuarat utama JPS WPKL.





KUNJUNGAN HORMAT AHLI JAWATANKUASA PERKOBF MALAYSIA

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT, KUALITI & ICT

7 Mac 2023, satu lawatan kunjungan hormat daripada Ahli Jawatankuasa Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F Malaysia (PERKOBF Malaysia) Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diadakan di bilik Mesyuarat Utama JPS WPKL.

Lawatan ini bertujuan bagi membincangkan dan mencari solusi untuk merungkai dan menyelesaikan isu-isu kontraktor kelas F.



TAKLIMAT CHEMILES WATER TREATMENT SYSTEM

OLEH : BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL



13 Februari 2023, satu taklimat Chemiles Water Treatment System yang disampaikan oleh wakil daripada Largus Engineering Sdn. Bhd telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, JPS WPKL.

Taklimat yang dihadiri seramai 11 pegawai JPS WPKL ini bertujuan memberi pendedahan tentang teknologi Jepun dalam merawat air bawah tanah tanpa menggunakan bahan kimia atau dikenali sebagai sistem Chemiles serta faedah perlaksanaannya di Malaysia.



TAKLIMAT POWER FACTOR CORRECTION SYSTEM

OLEH : BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

13 Februari 2023, satu taklimat Power Factor Correction System yang disampaikan oleh wakil daripada Bina Tenaga Energy Sdn. Bhd. telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, JPS WPKL.

Seramai 15 penyertaan dalam menghadiri taklimat ini, yang juga bertujuan memberi pendedahan tentang teknologi produk hijau didalam sistem pembetulan faktor kuasa berkaitan sistem elektrik bagi mencapai penggunaan kuasa yang lebih optimum dan cekap tenaga serta mesra alam.



KAEDAH RAWATAN AQUABIO SOLUTIN


OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

8 Mei 2023, satu sesi pembentangan berkaitan cadangan pelaksanaan projek Kaedah Rawatan Aquabio Solution telah disampaikan oleh Syarikat Nuaim Corporation di Bilik Mesyuarat Utama JPS WPKL dengan kehadiran seramai 14 pegawai JPS WPKL.

Kaedah Rawatan Aquabio Solution ini bertujuan untuk merawat air tercemar di Kolam Takungan Banjir Jinjang, Kuala Lumpur. Produk dari USA ini adalah di atas kerjasama dengan Prof Dr. Azizan Ahmad (Chemist, UKM), Prof Dr. Salmah Ismail (Biologist, UM) dan Dr. Yusuf Ishak (Water Quality, UPM) dalam menghasilkan produk-produk rawatan air tercemar. Produk Aquabio Solution ini telah didaftarkan di Malaysia dan telah melebihi 2 tahun percubaan serta ujian lapangan dilaksanakan.



KAEDAH & KONSEP RAWATAN



Kaedah Rawatan

- Meningkatkan populasi diatom dalam ekologi air
- Fotosintesis diatom bebaskan nano oksigen yang kekal lama di dalam air dan memperkayakan air dengan oksigen
- Menukar air mentah kepada air beroksigen tinggi
- Mengoksidakan rasa dan bau yang memasuki sungai yang dirawat

Konsep Rawatan

- Menjadikan sistem ekologi air berfungsi sebagai penyerap pencemaran dan menyerap beban pencemaran yang memasuki sistem ekologi air terawat
- Pencemaran ini akan melalui proses bio di mana ia akan ditapis, teroksida dan terurai di mana dengan cara ini akan memastikan air bersih dan beroksigen tinggi akan mengalir di sepanjang sistem ekologi
- Mengelakkan sistem sungai menjadi tepu dgn pencemaran & sebarang sisa yang masuk ke dalam sungai akan mengalir begitu sahaja tanpa sebarang tindakan pembetulan

MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN DAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN 1444H/ 2023M

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT



14 April 2023, Sempena bulan Ramadan Al-Mubarak dan Nuzul Al-Quran, JPS WPKL telah menganjurkan satu Majlis Khatam Al-Quran 1444H/ 2023M.

Antara objektif majlis ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk membudayakan bacaan Al-Quran di kalangan warga JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan Program Tadarrus Al Quran disepanjang bulan ramadhan. Secara keseluruhan, majlis yang diadakan berjalan dengan lancar. Majlis Khatam Al-Quran ini dimulai dengan alunan bacaan ayat-ayat Suci Al-Quran, tahlil dan juga Doa Khatam Al-Quran serta diakhiri dengan tazkirah daripada Pengarah JPS WPKL.

Membudayakan pembacaan al-Quran amatlah dituntut di dalam bulan Ramadhan dan juga di dalam bulan-bulan yang lain. Ini kerana, Ramadhan merupakan bulan diturunkan padanya al-Quran berdasarkan kepada firman Allah SWT:

Maksudnya: "(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah."

Surah Al-Baqarah: 185

TAKLIMAT PENDUDUK KAMPUNG KASIPILLAY DAN KOLAM AIR

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT



19 April 2023, bertempat di kawasan Rukun Tetangga Kampung Kasipillay telah diadakan satu sesi perjumpaan penduduk Kampung Kasipillay dan Kolam Air bersama-sama JPS WPKL dan DBKL. Perjumpaan yang dianjurkan oleh ahli parlimen P117 Segambut adalah bagi membincangkan mengenai perkembangan terkini bagi kerja-kerja Tebatan Banjir.



GOTONG ROYONG MASAK BUBUR LAMBUK

OLEH : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JPS WPKL (KEJAPS)



Pada 12 April 2023 bersamaan 21 Ramadhan 1444H, JPS WPKL telah mengadakan aktiviti memasak bubur lambuk dan juadah berbuka sempena bulan Ramadhan anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan JPS WPKL (KEJAPS). Program ini turut disertai oleh Pengerusi KEJAPS, Haji Mohd Azmin bin Hussin, Pejabat Lembaga Sungai Klang (PLSK), Pusat Kawalan SMART dan JPS WP Putrajaya. Aktiviti memasak bubur lambuk merupakan aktiviti tahunan di JPS WPKL yang bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim serta memupuk semangat bekerjasama dikalangan warga kerja.

Aktiviti gotong royong ini bermula pada pukul 9.00 pagi dengan mengupas bawang, ubi kentang dan memotong sayur-sayuran sebagai bahan masakan, dan juga menyediakan peralatan serta tempat untuk memasak. Usahasama tenaga kakitangan JPS WPKL disumbang secara giliran bagi memastikan pejabat masih ada pegawai meneruskan urusan pentadbiran harian. Setelah bubur dimasak, aktiviti pembungkusan dilaksanakan secara gotong-royong kemudian diagihkan kepada kakitangan JPS WPKL bermula pada pukul 3.00 hingga 4.30 petang.



Majlis sambutan Idul Fitri 1444H/2023M telah diadakan pada 19 Mei 2023 di perkarangan JPS WPKL. Kemeriahan sambutan perayaan pada kali ini telah dihadiri oleh Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok, TKP (Sektor Bisnes), Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Anuar bin Othman, TKP (Sektor Pakar), Haji Mohd. Azmin bin Hussin, Pengarah JPSWPKL, Pengarah Operasi, Pengarah Negeri dan warga JPS WPKL.




Pelbagai juadah hidangan disediakan untuk menjamu para hadirin. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang majlis ini berlangsung adalah cabutan bertuah, pemberian duit raya untuk kanak-kanak, karaoke raya, dan penyampaian hadiah bagi pertandingan deco raya 2023.



MAJLIS SAMBUTAN IDUL FITRI 1444H/2023M

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT



SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA (HAS) PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

OLEH : BAHAGIAN HIDROLOGI DAN SUMBER AIR

Sambutan Hari Air Sedunia Air diadakan pada 22 Mac setiap tahun bagi memperbaharui tekad dan azam serta memberi fokus kepada kepentingan pembangunan sumber air yang mapan dan mendukung aspirasi untuk menghargai air.

Untuk tahun ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bersepakat memilih “Accelerating Change” sebagai tema Hari Air Sedunia kali yang ke-31. Tema ini memberi penekanan kepada peranan setiap individu, kerajaan dan juga masyarakat untuk bersama berganding bahu dalam mempercepatkan perubahan untuk menangani krisis air dan sanitasi.



Sambutan Hari Air Sedunia Air diadakan pada 22 Mac setiap tahun bagi memperbaharui tekad dan azam serta memberi fokus kepada kepentingan pembangunan sumber air yang mapan dan mendukung aspirasi untuk menghargai air. Untuk tahun ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bersepakat memilih “Accelerating Change” sebagai tema Hari Air Sedunia kali yang ke-31. Tema ini memberi penekanan kepada peranan setiap individu, kerajaan dan juga masyarakat untuk bersama berganding bahu dalam mempercepatkan perubahan untuk menangani krisis air dan sanitasi.

LAWATAN TURUN PADANG (TUPA) DI KOLAM TAKUNGAN BANJIR

OLEH : BAHAGIAN HIDROLOGI DAN SUMBER AIR



YBrs. Tuan Ramlee bin Yatim, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan & Pembangunan) Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) hari ini telah mengadakan lawatan turun padang (TUPA) di Kolam Takungan Banjir Sungai Midah Dan Kolam Takungan Banjir Sri Johor pada 25 Mei 2023. Turut hadir, wakil DBKL, PPTG WPKL, JPS WPKL dan JKR WPKL.

Lawatan TUPA kali ini merupakan tindakan susulan yang diambil untuk melihat kemajuan kerja-kerja baikpulih yang sedang dilaksanakan di Kolam Takungan Banjir Sungai Midah dan Kolam Takungan Banjir Sri Johor, Cheras, Kuala Lumpur. Lawatan ini juga bertujuan bagi melihat keadaan semasa kolam takungan untuk tujuan pewartaan oleh pihak PTG WPKL. Pewartaan ini penting dilaksanakan supaya kolam takungan ini dikekalkan dan dapat mengurangkan risiko banjir di Kuala Lumpur.